

29/07/1998

Senarai pembawa baton hari pembukaan sudah dinamakan

SENARAI atlit yang mendapat penghormatan untuk membawa baton sempena pembukaan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI sudah dinamakan dan akan diumumkan sedikit masa lagi.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata pelari yang terpilih adalah di kalangan atlit yang sudah mengambil bahagian dalam temasya kedua terbesar dunia itu sebelum ini.

"Malah, kita juga ada memilih satu atau dua atlit yang tidak pernah menyertai Sukan Komanwel untuk membabitkan semua atlit negara."

"Dalam pada itu, 16 atlit dari cabang sukan yang dipertandingkan sempena temasya itu turut disenaraikan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Sukan Komanwel di Stadium Nasional, semalam.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Bakri Shabdin, serta Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Menurut Muhyiddin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan amanat dan menyerahkan Jalur Gemilang kepada kontinjen negara, 12 Ogos ini.

"Atlit yang berlatih di luar negara akan pulang pada 20 Ogos untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan gelanggang pertandingan sementara lagu tema rasmi untuk Sukan Komanwel akan dilancarkan Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohamed Rahmat) pada 30 Ogos," katanya.

Selain itu, kata Muhyiddin, mesyuarat semalam juga dimaklumkan bahawa semua gelanggang pertandingan sudah siap sepenuhnya sementara gelanggang hoki wanita di Lembah Pantai, akan siap bulan ini.

"Hanya kerja untuk menandakan garisan di stadium itu yang tinggal dan ia akan siap sepenuhnya bulan ini. Stadium lain yang didapati terdapat kebocoran dan kurang lengkap, kerja untuk membaikinya sudah dimulakan," katanya.

Muhyiddin berkata pemasangan papan tanda dan penunjuk arah di Kompleks Sukan Negara (KSN) akan turut diperbanyakkan untuk memudahkan orang ramai ketika temasya itu nanti.

(END)